



# SHOUTUL IKHWAN

## di Pentas Kemahsyuran

Oleh ; Mohd Izwan Izhar Haris

Pulau Pinang, 14 September 2008- Bersempena Ramadhan Al-Mubarak, seperti yang telah diadakan pada tahun-tahun yang lepas, pihak ASTRO sekali lagi mengadakan pertandingan Nasyid dan Marhaban 2008 dalam mencari bakat-bakat baru yang boleh diketengahkan. Tidak ketinggalan kumpulan Shoutul Ikhwan turut menyahut cabaran dalam menghadapi saingan dalam pertandingan berprestij tersebut. Setelah berjaya di peringkat saringan yang disertai oleh 4 negeri dari Zon utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, Shoutul Ikhwan yang juga membawa nama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah terpilih dan layak ke Peringkat Akhir Zon Utara bagi pertandingan tersebut yang telah berlangsung di Sunway Carnival, Seberang Jaya Pulau Pinang. Dalam pertandingan peringkat akhir tersebut, menyaksikan Kumpulan Badrul Munir dari Ayer Hitam, Kedah telah berjaya bergelar Johan dan layak ke Grand Final. Manakala Shoutul Ikhwan dari UniMAP telah berjaya merangkul Naib Johan. Tempat ketiga pula dimenangi oleh kumpulan Nurul Naim dari Pulau Pinang. Seramai tiga orang juri Profesional yang telah mengadili pertandingan ini terdiri daripada Ustaz Akhil Hayy, saudara Suhaimi Saad (kumpulan In-Team) dan penyanyi wanita tersohor dan terkenal iaitu Aishah. Para penonton yang hadir pada pertandingan tersebut juga turut disajikan dengan persembahan lagu-lagu nasyid dan lagu-lagu bercirikan ketuhanan oleh bekas pelajar dan finalis dari program realiti TV, Akademi Fantasia ASTRO. Sorotan dan rakaman pertandingan ini juga turut disiarkan di slot Trek Selebriti ASTRO dan turut disiarkan dalam saluran ASTRO Oasis. Syabas diucapkan untuk Shoutul Ikhwan!